



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI ALAM SEKITAR KANAN (B.3)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI ALAM SEKITAR KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Environmental Engineering / Environmental Management / Environmental Law / Environmental Science / Environmental Studies / Environmental Sustainability* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sebagai Pegawai Alam Sekitar atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



3. Berkemahiran dalam membuat pemantauan pencemaran alam sekitar.
4. Berpengetahuan dalam membuat *Project Proposal* dan *Project Management*.
5. Berkebolehan dalam mengawal selia pekerja-pekerja kontraktor yang dilantik untuk menjalankan sesuatu projek.
6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab ke atas Bahagian Perancangan dan Pengurusan Alam Sekitar dalam Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi;
2. Menyelaras dan mengurus pelaksanaan tugas-tugas yang berkaitan dengan perancangan dan pengurusan alam sekitar antarabangsa bagi perkara-perkara seperti berikut;
 - a) Menguatkuasa Akta dan Peraturan Alam Sekitar;
 - b) Memantau pencemaran alam sekitar dan menilai keadaan alam sekitar;
 - c) Pengurusan bahan dan sisa toksik dan berbahaya;
 - d) Mempromosi teknologi, perkhidmatan dan amalan mesra alam sekitar;
 - e) Menggubal piawaian, garis pandu dan prosedur alam sekitar;
 - f) Menilai laporan kesan alam sekitar bagi kemajuan yang ditentukan;
 - g) Menjalankan dan menyelaras penyelidikan dan kajian alam sekitar;
 - h) Membentuk dan melaksanakan pelan tindakan kesedaran alam sekitar;
 - i) Melaksanakan dasar, strategi, pelan tindakan dan projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN);
 - j) Menerbit laporan alam sekitar;
 - k) Menyelaras penyertaan dan penglibatan Negara dalam inisiatif alam sekitar di peringkat sangat, serantau dan dua hala; dan
 - l) Menyelaras dan menyelia penggubalan dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti kebangsaan bagi memenuhi obligasi dan inisiatif antarabangsa, serantau dan dua hala;
3. Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada pihak atasan.